

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 23 OGOS 2023

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 30

Bebaskan Malaysia daripada perangkap pendapatan sederhana

Bebaskan Malaysia daripada perangkap pendapatan sederhana

KUALA LUMPUR - Rencana dasar Ekonomi Madani perlu dilaksanakan dengan tekad untuk membebaskan Malaysia daripada perangkap negara berpendapatan sederhana dan se-terusnya menuju ke arah negara ber-pendapatan tinggi.

Gabenor Bank Negara Malaysia (BNM), Datuk Abdul Rasheed Abdul Ghaffour berkata, ekonomi Malaysia berada di persimpangan dan dasar ekonomi serta kewangan hari ini bakal menentukan hala tuju dan trajektori pembangunan negara pada masa hadapan.

"Jurang antara golongan yang kaya dan miskin semakin meluas, dan ia perlu ditangani dan diimbangi dengan pembangunan sebuah masyarakat yang inklusif, adil, saksama, dan mengekalkan integriti sosial," katanya semasa berucap pada Majlis Jalinan Kerjasama iTekad, di sini, pada Selasa.

Abdul Rasheed berkata, sek-

tor kewangan berperanan penting sebagai pemangkin pertumbuhan sebuah ekonomi. "Sektor kewangan menjadi pengantar antara mereka yang berpendapatan lebih dengan mereka yang memerlukan dana, menyediakan modal dan kredit kepada ekonomi, memudahkan pelbagai jenis transaksi kewangan dan memungkinkan pengurusan risiko melalui pelbagai instrumen dan juga produk.

"Hasrat BNM adalah untuk membangunkan sektor kewangan yang progresif, teguh, telus dan bertanggungjawab serta mampu menyumbang kepada kemajuan yang lebih adil, setara, bermakna dan inklusif buat rakyat negara ini," katanya.

Mengenai iTekad, beliau berkata, program itu dibangunkan dengan mengetengahkan kewangan sosial sebagai komponen penting dalam ekosistem kewangan di Malaysia untuk memangkin pembangunan



Jurang antara golongan yang kaya dan miskin semakin meluas, dan ia perlu ditangani.

sosioekonomi yang lebih seimbang.

Menurutnya, kewangan sosial memberikan penekanan untuk mencipta impak sosial yang positif selain daripada pulangan kewangan.

Abdul Rasheed berkata, sejak dilancarkan pada 2022, inisiatif iTekad telah menggerakkan lebih RM40 juta dana kewangan sosial setakat ini melibatkan 11 institusi kewangan, lebih 50 ra-

kan pelaksana dan memberi manfaat yang ketara kepada lebih 3,000 peserta.

Katanya, ini termasuk peningkatan dalam pertumbuhan perniagaan, kemampuan menggaji pekerja, perniagaan yang lebih berdaya tahan dan dapat memanfaatkan teknologi dalam perniagaan.

"Kewangan sosial mampu memberi satu dimensi baharu pembangunan sosio-ekonomi

rakyat dengan menerapkan prinsip-prinsip sistem kewangan yang inklusif, mempertimbang impak jangka panjang serta menyatupadukan semua pihak berkepentingan.

"Bank Negara kekal komited untuk mengetengahkan kewangan sosial dalam ekosistem kewangan Malaysia, termasuk merajui perkembangan program iTekad seterusnya," katanya. - Bernama